**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Berita Harian** | |
| - Pembinaan projek kontroversi diteruskan | 13 |
| **Sinar Harian** | |
| - Perbincangkan tak capai kata putus | 38 |
| - Bela kebajikan pelajar tahfiz | 36 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - MPAJ tawar bantuan kepada penduduk laksana ‘ Kebun Komuniti’ | 26 |
| **The Star** | |
| - A green landfill | Metro Central-03 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Pembinaan projek kontroversi diteruskan |
| Muka Surat | 13 |



HALAMAN KOTA

CADANGAN BINA PUSAT KONVENSYEN DI TAMAN MELAWATI

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]



*Abdul Hamid (kanan) berbincang dengan penduduk mengenai isu pembinaan pusat konvensyen di tapak taman rekreasi pada majlis perjumpaan MPAJ bersama penduduk Taman Melawati di Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Bukit Antarabangsa, Pusat Bandar Taman Melawati, semalam.*

**Fakta nombor**

**RM25 JUTA**
kos Projek membina pusat konvensyen

**1,000 ORANG**
boleh ditampung dalam pusat konvensyen

# Pembinaan projek kontroversi diteruskan

MPAJ sedia kaji pandangan, bantahan penduduk

**Oleh Mohd Fharkhan Abdul Ghapar**
bhnews@bh.com

**Gombak**

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan meneruskan cadangan pembinaan pusat konvensyen di tapak taman rekreasi di Taman Melawati di sini, akan diteruskan walaupun mendapat bantahan daripada penduduk.

Bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memberi jaminan akan meneliti dan mengambil kira pandangan penduduk sekitar berhubung pelaksanaan projek berkenaan.

Perkara itu dinyatakan Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain, pada perjumpaan dengan wakil penduduk di sini, semalam.

Mesyuarat yang berlangsung lebih tiga jam di Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa di sini, bagi memberi ruang kepada penduduk menyatakan pandangan berhubung projek berkenaan.

**Mesyuarat 'panas'**

Pada suatu ketika, mesyuarat itu menjadi 'panas' apabila beberapa wakil penduduk meninggikan suara kerana membantah projek berkenaan tetapi keadaan terkawal.

Yang turut hadir, ADUN Hulu Kelang, Shaari Sungib; pegawai dari pelbagai jabatan di MPAJ serta Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B, C Taman Melawati, Razman Hakimi Abdullah, bersama kira-kira 40 wakil penduduk.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Abdul Hamid berkata, pada masa ini rancangan projek itu akan diteruskan dan setiap pandangan penduduk akan diteliti.

"Secara umumnya, cadangan projek tetap diteruskan namun segala pandangan penduduk menerusi perbincangan hari ini (semalam) akan diteliti dan dibincangkan bersama kerajaan negeri.

"Segala keputusan bergantung kepada kerajaan negeri. Ini adalah projek untuk rakyat. Kita buat berdasarkan keperluan penduduk di sini. Sebanyak 60 peratus daripada tanah berkenaan akan dibina bangunan itu manakala selebihnya diperuntukkan untuk kawasan hijau," katanya.

**Penduduk tempuh kesesakan**

Sebelum ini, *Halaman Kota* menyiarkan kesesakan lalu-lintas dan kekurangan tempat letak kereta yang terpaksa dihadapi penduduk selepas pusat beli-belah Melawati Mall beroperasi. Setiap hari penduduk di situ menempuh kesesakan teruk pada waktu puncak.

Projek membina pusat konvensyen di atas tapak seluas 1.348 hektar itu membabitkan kos RM25 juta yang boleh menampung sehingga 1,000 orang.

Abdul Hamid berkata, pembinaan pusat konvensyen itu bagi menyediakan lokasi kepada penduduk menjalankan aktiviti keramaian terutama majlis perkahwinan.

Sementara itu, Razman Hakimi berkata penduduk tetap membantah rancangan itu dan mahukan sebuah taman rekreasi.

"Pandangan penduduk jelas iaitu mahukan taman rekreasi dan bukannya pusat konvensyen.

"Masalah kesesakan lalu lintas belum selesai, namun MPAJ masih 'rasa' pembinaan pusat konvensyen itu adalah keperluan kami," katanya.



"Segala keputusan bergantung kepada kerajaan negeri. Ini adalah projek untuk rakyat. Kita buat berdasarkan keperluan penduduk di sini"

***Abdul Hamid Hussain,***
*Yang Dipertua MPAJ*




*Keratan akhbar BH 11 September lalu.*

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Perbincangkan tak capai kata putus |
| Muka Surat | 38 |



# Perbincangan tak capai kata putus

## MPAJ mahu teruskan projek pusat konvensyen, namun tetap ambil kira keperluan penduduk

AMPANG - Hasil perbincangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bersama wakil penduduk Taman Melawati berhubung isu bantahan cadangan projek pembinaan sebuah pusat konvensyen di kawasan itu tidak mencapai kata putus di antara kedua-dua pihak.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, perbincangan bagi memberi penjelasan terperinci kepada penduduk berkenaan projek itu akan dimaklumkan kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk tindakan lanjut.

"Pendirian MPAJ adalah mahu meneruskan projek ini, namun kita akan tunggu maklum balas serta jawapan kerajaan negeri sama ada projek ini diteruskan atau sebaliknya.

"MPAJ masih berhasrat untuk bangunkan pusat konvensyen di tapak sedia ada kerana peruntukan sebanyak RM25 juta telah disediakan oleh tiga pihak termasuk daripada kerajaan negeri.



Abd Hamid ketika menerangkan kawasan cadangan pembangunan pusat konvensyen kepada wakil penduduk.

"Walau bagaimanapun, kita akan ambil kira input dan cadangan daripada penduduk antaranya mahu dewan komuniti dan gelanggang badminton, kita berharap projek ini dapat dilaksanakan," katanya.

Abd Hamid berkata, RM1 juta daripada peruntukan itu akan digunakan untuk pembangunan kawasan hijau di sekitar kawasan pusat konvensyen terbabit.

Beliau berkata, tiada lagi tempat yang bersesuaian untuk mendirikan pusat konvensyen.

"Selain tapak ini luas, kita juga lihat tempat ini bersesuaian kerana ada ruang parkir yang banyak dan berhampiran dengan pusat membeli belah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Keselamatan Pencegahan Jenayah Taman Melawati E hingga P, Azhari Abu Taharim berkata, penduduk pasti akan kecewa apabila projek pembangunan itu diteruskan kerana ia akan menambah lagi kesesakan jalan raya di kawasan tersebut.

Sebelum ini, Mohamed Azmin telah mengarahkan MPAJ mengadakan perbincangan dengan wakil penduduk Taman Melawati berhubung isu bantahan cadangan projek pembinaan sebuah pusat konvensyen di sini.

Beliau juga berharap taman rekreasi dibangunkan di tapak itu, malah beliau sanggup mengorbankan Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Gombak yang berada di tapak itu untuk pembangunan taman rekreasi berkenaan.

Terdahulu, Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C telah menghantar petisyen serta dokumen berhubung bantahan cadangan projek pembinaan sebuah pusat konvensyen di sini, kepada Mohamed Azmin, pemaju dan MPAJ.

**INFO**

**• Tapak sedia ada yang luas dilihat sesuai bagi pembinaan pusat konvensyen itu**

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Bela kebajikan pelajar tahfiz |
| Muka Surat | 36 |

# Bela kebajikan pelajar tahfiz

SH 21/9/17 M/S 36

## NGO minta kerajaan beri mandat pantau operasi pusat tahfiz

HIDAYAH HAIROM

> “Dengan ‘kuasa’ yang diberikan, operasi pusat-pusat tahfiz lebih terjamin dari segi kebajikan pelajar dan pada masa sama mengelakkan berlaku pengabaian oleh pihak lain yang berkepentingan.” - Hussen



**KUALA LUMPUR** - Kerajaan disaran memberi mandat kepada badan bukan kerajaan (NGO) setempat bagi memantau pusat-pusat tahfiz dalam kawasan setempat secara lebih terperinci.

Presiden Pertubuhan Pergerakan Kebajikan Masyarakat Kuala Lumpur (PPKMKL), Hussen Zulkarai berkata, ia merangkumi pemantauan terhadap kegiatan pelajar-pelajar dalam dan luar pusat, serta keadaan premis.

Menurutnya, ia sebagai usaha memastikan nasib pelajar-pelajar tahfiz lebih terbela.

“Semua negeri dan daerah di negara ini ada ketua kampung, persatuan-persatuan penduduk, Rela, AADK, Rukun Tetangga dan pelbagai lagi yang mungkin dekat dengan pusat tahfiz setempat yang boleh turut sama membantu pihak kerajaan.

“Dengan ‘kuasa’ yang diberikan, operasi pusat-pusat tahfiz lebih terjamin dari segi kebajikan pelajar dan pada masa sama mengelakkan berlaku pengabaian oleh pihak lain yang berkepentingan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, banyak isu yang perlu diambil kira berkaitan pengurusan operasi pusat tahfiz seluruh negara termasuk urusan pendaftaran dan kelulusan premis operasi.

Menurutnya, sistem keselamatan 24 jam termasuk pemasangan CCTV dan pengawal keselamatan antara aspek yang perlu disyaratkan untuk mana-mana pusat tahfiz yang mahu beroperasi.

“Audit berkaitan pengurusan kewangan juga perlu dibuat dengan lebih serius agar faktor keselamatan pelajar menjadi keutamaan.

“Kita bimbang sekiranya berlaku salah guna nama pusat tahfiz demi kepentingan peribadi sedangkan kebajikan pelajar terabai,” katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | MPAJ tawar bantuan kepada penduduk laksana ' Kebun Komuniti' |
| Muka Surat | 26 |

UM 21/9/17 M/S 26.

# MPAJ tawar bantuan kepada penduduk laksana 'Kebun Komuniti'

**AMPANG 20 Sept.** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bersedia menghulurkan bantuan kepada mana-mana komuniti yang benar-benar berminat untuk membina 'kebun komuniti' di kawasan mereka.

Yang Dipertuanya, Abd. Hamid Hussain berkata, antara bantuan yang diterima wang tunai sebanyak RM2,000, peralatan berkebun serta jentera jika perlu.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak 90 peratus 'kebun komuniti' di kawasan pentadbiran Ampang Jaya berjaya direalisasikan dengan kerjasama semua pihak termasuk di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pandan Mewah, Kampung Cheras Baru dan Pandan Indah.

"Bagaimanapun, sebanyak 10 peratus projek berkenaan gagal ekoran sikap komuniti yang tidak komited dan bersikap sambil lewa," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Fiesta Eko-Hijau di sini hari ini.

Tambah Abd. Hamid, program itu bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat ke arah usaha mencapai bandar rendah karbon menjelang 2030.

"Pelbagai usaha dilakukan antaranya memperluaskan pemasangan lampu jalan menggunakan diod pemancar cahaya (LED) serta mengehadkan penggunaan penghawa dingin bagi mengurangkan pelepasan karbon.

"MPAJ juga telah menyediakan Pelan Tindakan Ampang Jaya Bandar Rendah Karbon 2030 dan menyasarkan penurunan karbon sebanyak 30 peratus menjelang 2030," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | A green landfill |
| Muka Surat | Metro Central |

Star Metro CENTRAL
THURSDAY 21 SEPTEMBER 2017

(03) 7967 1388 ext 1706/1323/1496 (Editorial) metro@thestar.com.my (03) 7966 8388 (Advertising) (03) 7967 2020 (Classified) thestar.com.my/metro facebook.com/starmetro twitter.com/thestarmetro

News
Motorcyclists take dangerous path >6

Events
Indonesian lass crowned Miss Cosmopolitan >8&9

Street Grub
Nasi kandar in the heart of KL >10

Reel Tales
Getting young hooked on angling >12

# A green landfill

Authorities and operators are looking into sustainable methods to extend the lifespan of existing sanitary landfills in Selangor as most of them are reaching their full capacity and it is a challenge to find new sites. >2&3



**Features of sanitary landfill**

1 Operation office
2 Waste Reception Area (WRA)
3 Lining system
4 Leachate collection system
5 Leachate drainage pipe
6 Groundwater monitoring
7 Gas well for landfill gas
8 Capping
9 Restored surface
10 Leachate pumping sump
11 Perimeter drainage system
12 Leachate Treatment Plant (LTP)
13 Landfill gas power generation plant
14 Screening tree
15 Surface run-off drainage
16 Perimeter fencing

©The Star Graphics
Source: Worlwide Holdings Bhd

# Prolonging life of dumpsites

## Company plans to increase lifespan of landfills to cope with growing amount of rubbish being generated daily

By PRIYA MENON
priya@thestar.com.my

EACH year over 12 hectares of land is needed to dump the 7,000 tonnes of waste generated in Selangor every day.

The authorities are finding it hard to find replacement landfills, and are fast looking for alternatives for waste management.

For years the country toyed with the idea of incinerators, believing it to be the best solution.

One of the most controversial projects was the suggestion to build one in Taman Beringin, Kepong.

However, nearby residents voiced their concerns and objections, claiming that the existing incinerators in Malaysia were not maintained and could prove harmful.

Because of these problems, many quarters such as companies managing landfills are looking for safer options including trying to extend the lifespan of existing landfills.

### Landfill lifespan

The Jeram landfill in Kuala Selangor is one of the few at the heart of the plans for a prolonged lifespan.

Currently the largest landfill in the country, it serves six local councils in Selangor that dumps 4,000 tonnes of waste every day on average, which is 20% of the total waste generated in the country.

The councils using the facilities in Jeram are the Shah Alam City Council, Petaling Jaya City Council, Subang Jaya Municipal Council, Klang Municipal Council, Ampang Municipal Council and the Kuala Selangor District Council.

Managed by Worldwide Holdings Berhad, the 67ha Jeram landfill started operations in 2007 and the company's Environment Division head Zamri Abdul Rahman said the idea was to prolong Jeram's lifespan for 30 years.

The landfill was actively being used, with about 600 trucks passing through the weighing bridge to dump rubbish during its operating hours from 7am to 8pm daily.

What was once a flat land in Jeram is now a mountain of rubbish that is producing harmful bacteria and slowly taking up all available space.

"We hope to use technology to turn waste into energy because landfills are still needed," he added.

Zamri said as people continue to generate rubbish turning the waste into productive energy may very well be the future of waste management.

In fact, the Jeram landfill actually housed an electricity power plant that produced electricity from the greenhouse gases released by the rubbish as well as a leachate treatment plant.

There are four pipelines laid amidst the mountain of rubbish that transported the gas to the power plant that generated 1MW and was supplied to Tenaga Nasional Bhd.

Rubbish also produced leachate and to clear the soil of this, pipes were laid to transfer the leachate to three different ponds.

The ponds are lined properly to ensure the leachate do not mix with groundwater or rainwater and each represented the first, second and third stage of the treatment process.

After a 24-hour cycle, and careful monitoring of treatment procedures, the ponds produce crystal clear water fit to be released into the nearest river, Sungai Sembilang.

Based on the current capacity of the treatment plant, it can treat up to 450m3 (cubic metres) leachate.

"We want to minimise the environmental impact and this is a challenging task because of the characteristics of waste and the amount of rainfall we get here," added Zamri.

Waste water, added Zamri, needed careful handling by



The 67ha Jeram landfill houses an electricity power plant that produces electricity from the greenhouse gases released by the rubbish as well as a leachate treatment plant.



An aerial view of the Worldwide Landfills Park Air Hitam, Puchong which has been repurposed.

## STAR METRO INFO BASE

| GOVERNMENT DEPARTMENT | |
|---|---|
| ARKIB NEGARA | 03-6209 0600 |
| BANK NEGARA | 03-2698 8044 |
| CUSTOMS | 03-7806 7200 |
| FIRE & RESCUE | 03-8892 7600 |
| IMMIGRATION | 03-8880 1000 |
| INCOME TAX | 1-800-88-5436 |
| JABATAN ALAM SEKITAR | 03-8889 1972 |
| JAKIM | 03-8886 4000 |
| JPA | 03-8000 8000 |
| JPN (KL) | 03-6201 1106 |
| JPN (PJ) | 03-7956 2634 |
| JPJ (KL) | 03-4145 0800 |
| JPJ (SELANGOR) | 03-5566 9595 |
| JKR (PETALING) | 03-78392400 |
| JKR (FT) | 03-92875436 |
| KLSE – BURSA M'SIA | 03-2026 5099 |
| MANPOWER DEPT – JTR | 03-8886 5555 |
| METEOROLOGY | 03-7967 8000 |
| MIDA | 03-2267 3633 |
| MIMOS | 03-8995 5000 |
| POS MALAYSIA | 1-300-300-300 |
| REG OF BUSINESS | 03-4043 0811 |
| REG OF COMPANIES | 03-2299 4400 |
| ROYAL CUSTOMS | 03-8776 6575 |
| SIRIM | 03-5544 6000 |
| SOCSO | 03-4264 5000 |

| EPF | |
|---|---|
| HEAD OFFICE | 03-2694 6566 |
| CALL CENTRE | 03-8922 6000 |
| CHERAS | 03-9200 3304 |
| GOMBAK | 03-6185 0780 |
| KAJANG | 03-8737 5223 |
| KEPONG | 03-6258 9521 |
| KLANG | 03-3325 1626 |
| PETALING JAYA | 03-8922 6000 |
| PUDU | 03-2078 6788 |
| WANGSA MAJU | 03-4149 9499 |
| SHAH ALAM | 03-5519 2155 |

| HOSPITALS | |
|---|---|
| TUN HUSSEIN ONN NATIONAL EYE HOSPITAL | 03-7718 1488 |
| UM MEDICAL CENTRE | 03-7949 4422 |
| SERDANG HOSPITAL | 03-8947 5555 |
| PUTRAJAYA HOSPITAL | 03-8312 4200 |
| TENGKU AMPUAN RAHIMAH HOSPITAL | 03-3375 7000 |
| INSTITUT JANTUNG | 03-2617 8200 |
| SHAH ALAM HOSPITAL | 03-5526 3000 |
| GHKL | 03-2615 6391 |
| SELAYANG HOSPITAL | 03-6126 3333 |

| RADIO/TAXI SERVICE | |
|---|---|
| PUBLIC CAB | 03-6259 2020 |
| COMFORT | 03-8024 0507 |
| KLTEKSI | 017-2733372 |
| RADIO TAXI | 03-9221 7600 |
| SAUJANA | 03-2162 8888 |
| SUPERCAB | 1-300-888-294 |
| SUNLIGHT | 03-9057 5757 |
| CITYLINE | 03-9222 2828 |
| TELETAXI | 03-9131 8080 |
| WIRA CAB | 03 2144 3630 |

| POLICE STATIONS | |
|---|---|
| PETALING JAYA HQ | 03-7966 2222 |
| BUKIT AMAN HQ | 03-2266 2222 |
| DAMANSARA UTAMA | 03-7722 2222 |
| SEA PARK | 03-7874 2222 |
| SELANGOR POLICE HQ | 03-5514 5222 |
| SHAH ALAM | 03-5520 2222 |
| SG BULOH | 03-6156 1222 |
| KOTA DAMANSARA | 03-6142 2222 |
| TAMAN TUN DR ISMAIL | 03-7728 6222 |
| SG WAY | 03-7875 2222 |
| AMPANG | 03-4289 7419 |
| BRICKFIELDS | 03-9051 6222 |
| CHERAS | 03-9284 2222 |
| DANG WANGI | 03-2070 2222 |

Copyright © 1995-2017 Star Media Group Berhad (ROC 10894D)




The Jeram landfill is actively being used with 600 trucks passing through from 7am to 8pm daily.




An employee Saiful Affandi Abdul Rani checking the water clarity and purity after going through the leachate treatment plant at the Jeram landfill.

industry experts because of its bacterial content.

Worldwide Holdings prides itself on producing homegrown talents that grow with the company to understand and better manage waste.

"It is not easy getting competent people in the field and there are only some 40 to 50 waste management engineers in the country," he added.

## Challenges

Although having the right expertise may speed up the work, there are external challenges that hamper the progress of the sanitation method in the landfill.

One such problem is ample amount of plastic found in landfills.

Zamri said most people would assume companies like Worldwide Holdings would prefer having more rubbish, however, for them, recycling was an integral part of maintaining the process flow.

Plastic is not biodegradeable and impedes the flow of gas and leachate.

"Plastic bags prevent leachate from travelling down into the pipelines to be carried to the pond for treatment.

"This will contaminate the soil and make sanitising the area difficult," he added.

Apart from that, the waste will not settle, affecting the landfill operations in the process.

Zamri said the awareness level for waste disposal, recycling and management had to be increased for this purpose.

"The amount of waste generated will continue to grow due to urbanisation and we hope the public will increase the rate of recycling.

"The more rubbish there is, the harder our job because we will have to find replacement landfills," he stressed.

The team, however, is open to the challenge, as knowing they are contributing to the betterment of the society and environment, keeps them going.

Their daily rewards include the final results of the treatment plants and visits from school and university students as well.

"Knowing that we can share our knowledge with children as well as expand and provide expert advice both locally and internationally, is a gift itself," said Zamri.

### Basic measures that must be met for sanitary landfills

- Waste materials should be spread in layers, compacted, and covered daily to prevent pests and vermin.
- Leachate collection and treatment if a site does not naturally contain leachate security, additional lining materials should be used to reduce leakage.
- Liners - whether soil or synthetic, there must be a system of leachate collection and treatment.
- The design of the sanitary landfill should take into consideration the local geological and hydrogeological (groundwater studies) conditions in order to be effective.
- A waste disposal plan and a final restoration plan.
- Permanent control: trained staff based at the landfill to supervise site preparation and construction, the depositing of waste, and the regular operations and maintenance.
- Landfill gas management.
- Data management: weighbridge system, ISO

Source: Worlwide Holdings Bhd ©The Star Graphics

# Air Hitam park is nation's first repurposed landfill

OLD landfills that have reached their maximum capacity are often treated as dead zones, unfit for human occupation or activities due to the gas produced from decomposing waste.

However, Worldwide Holdings Bhd has come to the rescue.

The company has successfully rehabilitated three landfills namely in Air Hitam in Puchong, Kubang Badak in Kuala Selangor and Sungai Kembong in Hulu Langat.

The 40ha Air Hitam landfill has been turned into a park since 2011 for the community called the Worldwide Landfills Park Air Hitam.

Five years after its closure in 2006, the place had over six million tonnes of hidden waste.

It housed a 5km-long jogging track, a bicycle track and a playground.

Joggers are also allowed to track uphill and people are known for flying kites and enjoying the magnificent view from the garbage hill that is now green and lush.

Noticeable among the greenery are 164 gas wells that still carried greenhouse gas to the renewable energy power plant that supplied electricity to 2,000 homes nearby.

There is also has a leachate treatment plant at this place




Zamri says closed landfills cannot be used for other developments including housing projects as it requires different methods of treatment, so the park idea is ideal.

famous for being the first engineered landfill in the country.

It initially opened its doors to waste in 1995 and was one of the main landfills serving several major local councils including the Kuala Lumpur City Hall, Shah Alam City Council, Petaling Jaya City Council, Putrajaya Corporation and many more.

Worldwide Holdings took up the task including its maintenance as a corporate social responsibility project.

It recently signed an agreement with the Selangor government to continue managing the post closure maintenance works for the three landfills for five years.

The Selangor government will fund the RM1.5mil needed a year to manage the three closed landfills.

Worldwide Holdings' Environment Division head Zamri Abdul Rahman said many were still unaware of the park's existence.

'We want people to come and use the facility as a green lung. We have ensured its safety and have posted guards as well. We intend to turn it into a brand and hope to implement the same for future closed landfills," he added.

Zamri said closed landfills could not be used for other development purposes including housing development as it required different methods of treatment, so the park idea was ideal.

The company plans to turn the Kubang Badak landfill into a park in two years time.

"The Sungai Kembong landfill, however, is a little far from development and may not attract people, so we are looking at other viable options," he added.

## metro watch

### ROAD CLOSURE

- The exit to and from Jalan Tun Razak at the Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway (Akleh) will be closed in stages from now till Nov 15. Temporary closure from Monday to Friday, 10am-3pm and fully closed from Friday to Monday, 11pm-4am. For details, call 03-2698 1711.
- There will be a long-term 700m lane closure on the most left lane along Jalan Putra Permai from junction of Persiaran Akademi Perdana until the U-turn at Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (Nahrim), Serdang bound and from the U-turn at Nahrim to the slip road at Jalan Pinggiran Putra, Puchong bound until Dec 13.

### SHAH ALAM ON WHEELS

The Shah Alam on Wheels mobile kiosk will not be operating this Saturday as the Shah Alam City council has postponed its services to Sept 30.

### BOOK SIGNING TOUR

Local celebrity, Gary Yap will be having his Good Food Good Mood book signing roadshow at Sungei Wang tomorrow at 3pm.

### PURR-FECT YOGA DAY

In conjunction with Worldhotels' World Community Day 2017, Saujana Hotels & Resorts will team up with PAWS UP! and non-profit animal shelter PAWS Malaysia to raise awareness and funds with Purr-fect Yoga Day on Saturday at Poolside, The Saujana Hotel Kuala Lumpur, Jalan Lapangan Terbang SAAS, 40150 Shah Alam. Register via email to yokemay.mah@thesaujana.com or call 03-7843 1234. Walk-ins on event day possible. Participation fee is RM10, all proceeds are channelled to PAWS Malaysia, receipt will be issued. Bring own mat.

### MBPJ AWARDS

The PJ Sustainable Community Award 2017 by Petaling Jaya City Council is open for entry until Oct 20. Cash prizes and grants worth RM261,000 are up for grabs. The award comprises categories for those aged below 18, youths between 19 and 35, residents associations, non-governmental organisations and associations. For details, visit https://pjkitasca.my/

### CHARITY FOOD FUN FAIR

Kiwanis Down Syndrome Foundation-National Centre, a non-profit organisation that provides special education for children with Down Syndrome, is organising its Charity Food Fun Fair on Oct 1, from 10am to 3pm, at the KDSF – National Centre, Lot 13490, Jalan Jenjarum, Off Jln SS23/6, Tmn SEA, 47400 Petaling Jaya. It is to help raise funds to maintain its operations. There will be carnival games for all, booths selling home-cooked food, pre-loved items, grocery products, books, handicraft and more. Donations including pre-loved items are welcomed. Coupons are sold at RM10 each. For details, visit www.kdsf.org.my or call 03-7803 0179.

### REUNIONS

- The Teluk Intan Convent Class of 1967 will be celebrating its 50th Reunion Dinner on Oct 21 at Grand Court Hotel, Teluk Intan. For details, call 012-916 1477 (Mee Chun), 019-203 4877 (Mariyam) or 012-380 9773 (Patricia).
- All Class of '67 Assuntarians are invited to celebrate the golden jubilee. The event will take place on Oct 28 at Kelab Golf Negara Subang from 6.30pm to 11pm. For details and to register, call 012-602 0888/011-3967 2858/019-354 6312 or email assunta67goldenjubileecomm@gmail.com